


Padankan gambar di bawah dengan situasi yang betul tentang sikap menghormati negara.




(a) Memberikan tabik hormat kepada Yang di-Pertuan Agong semasa perarakan Hari Kemerdekaan.



(b) Menghormati lagu Negaraku dengan berdiri tegak semasa menyanyikan dan ketika bendera Malaysia dinaikkan.



(c) Menyertai perbarisan sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan.



(d) Menyanyikan lagu-lagu kemerdekaan dengan penuh bersemangat sambil mengibarkan bendera.



Nyatakan cara-cara menghormati negara.

**CARA-CARA
MENGHORMATI NEGARA**

Jawapan

**Tidak mengambil tahu apa-apa mengenai
sejarah negara**

**Tidak bersyukur dengan nikmat
keamanan yang dihadapi**

**Menghormati pemimpin negara dalam
memimpin negara**

**Mematuhi segala bentuk peraturan dan
perlembagaan negara**

**Mengibarkan Jalur Gemilang di hadapan
rumah pada bulan kemerdekaan**

**Menghormati Yang di-Pertuan Agong
sebagai pemerintahan tertinggi negara**



Tulis BETUL pada pernyataan yang betul atau SALAH pada pernyataan yang salah.

Kepentingan sikap saling menghormati ialah dapat mengelakkan pergaduhan antara masyarakat yang berbilang kaum.



Kepentingan sikap saling menghormati ialah negara akan menjadi porak-peranda



Kepentingan sikap saling menghormati ialah dapat mewujudkan perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.



Kepentingan sikap saling menghormati ialah negara akan dipandang rendah oleh negara lain.



Kepentingan sikap saling menghormati ialah dapat mewujudkan perpaduan yang erat antara pemimpin dan rakyat.



Isikan tempat kosong tentang perasaan apabila menghormati negara

1. Puan Syakila berasa sangat _____ apabila anak-anaknya tahu menghormati negara. Sebagai contoh, anak-anaknya akan menghias rumah mereka dengan bendera pada bulan kemerdekaan.
2. Encik Shaktiar sangat _____ kerana dapat lahir di dalam negara yang berbilang kaum dan mampu hidup dalam keadaan yang harmoni.
3. Wei Wei berasa sangat _____ apabila melihat sekumpulan remaja lelaki yang tidak tahu menghormati nyanyian lagu Negaraku dengan tidak berdiri tegak dan mempersendakan lagi kebangsaan itu.
4. Khalida berasa sungguh _____ kerana rakan-rakannya sangat menghormati negara dengan mengangkat tangan pada paras bahu ketika membaca ikrar Rukun Negara.
5. Suresh berasa sangat _____ kerana membaca berita di akhbar tentang rakyat Malaysia yang menghina negaranya sendiri dan memburuk-burukkan negaranya sendiri pada negara yang lain.

Jawapan

kecewa

marah

bangga

terharu

gembira

